

Headline **Artis tampil bantu ibu tunggal**  
Date **02 Jul 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Rap**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **R9**  
Article Size **514 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **11,052**  
PRValue **33,155**



# Artis tampil bantu ibu tunggal

*Karnival salur dana kepada persatuan untuk bantu perniagaan*

**Norhadiani Baharom**

**A**PABILA berbicara mengenai program amal, lazimnya kelompok yang disasarkan penganjur untuk menyalurkan bantuan adalah anak-anak yatim, warga emas, golongan sindrom Down mahupun penghidap HIV.

Berbeza dengan Karnival Gagar Usahawan 2010 anjuran SYZ Multi Event, yang bakal diadakan selama dua hari bermula 3 dan 4 Julai ini kerana acara ini membawa objektif untuk membantu ibu tunggal.

Memilih lokasi di Tapak Bulatan Bazarena, Stadium Malawati, Shah Alam, pesta anjuran syarikat itu akan bermula seawal jam 8 pagi hingga

12 tengah malam.

Artis tempatan seperti Ali daripada M'Pire, Salima AF, Bandi Amuk, Idham dan kumpulan Breakfast antara yang akan menggegar konsert itu.

Sazana Mohd Shaad selaku penganjur berkata, acara itu dianjurkan SYZ Multi Event wManagement dengan kerjasama Persatuan Ibu Tunggal Negeri Selangor (PIT) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan ia memberi peluang

kepada ibu tunggal menjalankan perniagaan.

"Golongan ibu tunggal jarang diberi perhatian. Saya juga seorang ibu tunggal dan pelbagai pahit maung sudah saya harungi selama ini.

"Bukan mudah untuk bangkit daripada kehidupan silam sehingga sampai ke tahap ini berjaya dengan hasil usaha

sendiri. Kepayahan hidup yang pernah saya lalui itulah yang membuatkan saya terpenggil untuk menyalurkan sumbangan kepada ibu tunggal yang ber-naung di bawah PIT.

"Melalui sumbangan itu nanti dapatlah kami membantu persatuan ibu tunggal yang terpilih. Dana yang dibenkan, mudah-mudahan dimanfaatkan untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka," katanya.

Katanya pelbagai produk seperti makanan dan kraftangan yang dihasilkan ibu tunggal

daripada PIT akan dijual kepada pengunjung.

Merencanakan lagi pengisian acara sepanjang karnival itu, persembahan kesenian dan kebudayaan juga disediakan termasuk pertandingan karaoke, gubahan, melukis, mewarna, tarian poco-poco dan etnik Melayu.

"Tidak hanya di Shah Alam, karnival ini akan diadakan di Kedah sekitar Oktober diikuti Melaka (November) dan Johor Bahru (Disember).

"Sumbangan akan diserahkan kepada PIT sebanyak 30 peratus selepas menolak kos penganjuran di semua lokasi yang kami singgah," katanya.



**SALIMA...**turun padang untuk kerja amal.

Headline **Artis tampil bantu ibu tunggal**  
Date **02 Jul 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Rap**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **R9**  
Article Size **514 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **11,052**  
PRValue **33,155**



**ALI M'PIRE...**dendangkan lagu rock.



**SETUJU...**penganjur bersama artis yang hadir pada sidang media, baru-baru ini.